

TRANSFORMASI MANIK PADA BUSANA PINONGKOLOH MASYARAKAT MURUT TAHOL DI SABAH

TRANSFORMATION OF PINONGKOLOH COSTUME BEADS AMONG THE MURUT TAHOL COMMUNITY IN SABAH

SHELLY ANN SAIWAT¹
SALBIAH KINDOYOP^{2*}

¹Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah,
E-mail: shelly_saiwat_dc23@iluv.ums.edu.my

²Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah
Corresponding Author*: salbiah.bea@ums.edu.my

Submission Date: 08 September 2025 \ Revision Date: 18 October 2025 \ Acceptance Date: 12 December 2025 \
Publication Date: 31 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v31i1.7131>

ABSTRAK Busana *Pinongkoloh* merupakan pakaian tradisional dalam kalangan masyarakat Murut Tahol di Sabah yang kaya dengan nilai simbolik, spiritual dan sosial, khususnya melalui penggunaan manik sebagai unsur hiasan utama yang melambangkan identiti masyarakatnya. Pengaruh pemodenan, globalisasi dan perkembangan industri fesyen kontemporari telah membawa kepada transformasi yang ketara terhadap penggunaan manik pada busana *pinongkoloh*. Oleh itu, penyelidikan ini meneliti transformasi manik pada teknik sulaman dan motif terhadap busana *pinongkoloh*. Kaedah penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian lapangan, temu bual bersama penggiat seni dan penyulam tradisional di daerah Keningau, Tenom dan Nabawan. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa transformasi yang berlaku bukan sahaja melibatkan aspek bahan manik, teknik dan reka bentuk tetapi turut memperlihatkan penyesuaian budaya masyarakat Murut Tahol terhadap nilai moden dan komersial yang masih mengekalkan nilai-nilai tradisi. Penyelidikan ini turut membincangkan kepentingan usaha pemeliharaan serta inovasi dalam seni busana etnik agar warisan *pinongkoloh* terus lestari dan relevan dalam kalangan masyarakat masa kini.

Kata Kunci: Transformasi, Manik, *Pinangkoloh*, Murut Tahol, Sabah

ABSTRACT The *Pinongkoloh* attire represents the traditional costume of the Murut Tahol community in Sabah, rich in symbolic, spiritual, and social values, the particularly through the use of beads as the main decorative element that represent the ethnic identity of the Murut Tahol community. The Influences of modernization, globalization, and the development of the contemporary fashion industry have led to significant transformation in the use of beads in *pinongkoloh* attire. Therefore, this study examines the transformation of beadwork techniques and motifs in the *pinongkoloh* costume. This research employs a qualitative approach through field observations and interviews with artisans and traditional embroiderers in the districts of Keningau, Tenom and Nabawan. The findings indicate that the cultural adaptation of the Murut tahol community to modern and commercial values while maintaining traditional elements. This study also discusses the importance of preservation and innovation efforts in ethnic

costume art to ensure that the pinongkoloh heritage remains sustainable and relevant within contemporary society.

Keywords: Transformation; Beadwork; Pinongkoloh; Murut Tahol; Sabah

PENDAHULUAN

Busana tradisonal merupakan salah satu identiti etnik serta lambang kesinambungan warisan budaya sesebuah masyarakat. Melalui busana, nilai-nilai sejarah, simbol dan kepercayaan sesuatu komuniti dapat diterjemahkan dalam bentuk visual dan tekstil yang berfungsi sebagai medium komunikasi budaya (Ahmad Safril, 2019). Busana *pinongkoloh* memiliki kedudukan istimewa kerana bukan sekadar pakaian yang dipakai dalam majlis adat atau perayaan tetapi turut berperanan sebagai simbol status sosial, keindahan estetik dan kehalusan seni sulaman yang diwarisi secara turun-temurun (Majlis Kebudayaan Negeri Sabah, 2020).

Salah satu elemen penting yang memperlihatkan keunikan *pinongkoloh* ialah penggunaan manik sebagai hiasan utama. Hiasan manik ini bukan sahaja memperindah busana, malah mengandungi makna simbolik dan hubungan masyarakat Murut Tahol dengan alam sekitarnya (Humin et al., 2015). Pada masa kini, kebanyakan objek budaya tradisi mengalami transformasi termasuklah budaya dan cara kehidupan. Hanafi (2007) menyatakan perubahan adalah selaras dengan nilai-nilai budaya sendiri walaupun diolah semula, tetapi konsep, idea dan fungsi-fungsi tidak bercanggah daripada nilai-nilai budaya mereka. Dengan itu, penyelidikan ini meneliti proses transformasi dan perubahan yang berlaku dapat mempengaruhi nilai budaya serta identiti busana tradisonal masyarakat Murut Tahol di Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai penyelidikan lepas telah menekankan kepentingan busana tradisonal sebagai simbol identiti dan warisan budaya yang mencerminkan nilai, kepercayaan, serta sistem sosial masyarakat asal (Humin, et al., 2015). Menurut Ahmad Safril (2019), busana etnik bukan sekadar pakaian tetapi fungsi sebagai medium komunikasi budaya yang memperlihatkan struktur sosial dan status pemakaiannya. Setiap kumpulan etnik yang terdapat di Sabah mempunyai gaya busana yang tersendiri, termasuk penggunaan hiasan manik sebagai elemen utama yang memperkaya estetika dan simbol pakaian tradisonal.

Penyelidikan oleh Majlis Kebudayaan Negeri Sabah (2020) menegaskan bahawa seni manik dalam busana tradisonal berperanan sebagai alat ekspresi identiti dan lambang keindahan seni wanita pribumi. Manik tidak hanya dianggap sebagai bahan hiasan, tetapi juga turut membawa makna simbolik yang berkaitan dengan kepercayaan spiritual sosial, kematangan wanita, serta peranan mereka dalam komuniti Murut Tahol. Humin et al. (2015) menyatakan yang menyatakan bahawa seni hiasan tekstil etnik Sabah mengandungi sistem simbol yang kompleks dan diwarisi secara turun-temurun melalui amalan lisan dan pembelajaran tidak formal.


Pada masa kini, pengaruh globalisasi dan modenisasi telah mengubah seni reka bentuk, teknik sulaman dan motif pada busana tradisonal masyarakat Murut Tahol. Kini pelbagai hasil kraf yang menyerap budaya asing atau budaya luar dalam pembuatan kraf untuk membuat perubahan dan menambahkan tarikan kepada pelancong dan pembeli. Ahmad Safril (2011) menyatakan bahawa budaya lokal memberi tindak balas terhadap budaya asing yang dibawa

oleh globalisasi. Hal ini demikian turut dialami oleh masyarakat Murut Tahol apabila busana *pinongkoloh* mula diadaptasi ke dalam bentuk moden seperti gaun, blaus dan kostum persembahan kebudayaan (Humin et.al, 2015). Walaupun transformasi ini memperlihatkan inovasi kreatif dalam mengekalkan warisan, hal ini juga menimbulkan persoalan tentang keaslian dan nilai simbolik busana tradisional tersebut.

Transformasi dalam seni busana perlu dilihat sebagai proses dinamik yang menggabungkan unsur tradisi dan moden. Perubahan bukan sahaja dari bentuk kehilangan nilai budaya, tetapi juga strategi adaptasi masyarakat tempatan terhadap perkembangan industri kreatif dan permintaan pasaran (Rahman, 2022; Linggi, 2017). Dalam konteks ini, seni manik *pinongkoloh* menjadi bukti masyarakat Murut Tahol menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa menghapuskan akar tradisi mereka. Secara keseluruhannya, penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa transformasi busana tradisional termasuk *pinongkoloh* adalah hasil antara faktor budaya, ekonomi dan sosial. Walaupun terdapat perubahan dari segi bahan dan reka bentuk, nilai simbolik dan identiti etnik masih terpelihara dan bentuk baharu. Namun terdapat kekurangan penyelidikan yang meneliti secara khusus perubahan untuk mengisi jurang tersebut dengan memberi tumpuan kepada aspek transformasi, simboli dan kesinambungan budaya dalam seni manik busana tradisional Murut Tahol di Sabah.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami secara mendalam proses transformasi manik yang pada busana *pinongkoloh* masyarakat Murut Tahol di Sabah. Data diperoleh melalui temu bual bersama penyulam busana, penggiat budaya dan informan masyarakat tempatan serta pemerhatian lapangan terhadap proses pembuatan dan penggunaan *pinongkoloh*. Pendekatan ini membolehkan penyelidik meneliti transformasi dari segi aspek bahan, teknik, corak dan makna simbolik yang terkandung dalam seni hiasan busana tersebut. Lokasi utama penyelidikan adalah di daerah Keningau, Nabawan dan Tenom yang merupakan penempatan masyarakat Murut Tahol yang masih aktif dalam pembuatan dan pemakaian busana *pinongkoloh*.



Rajah 1: Proses Perubahan Manik

Rajah 1 menunjukkan teori bagi proses perubahan manik busana yang diadaptasi daripada Widiyanto (2020). Teori ini digunakan untuk menganalisis proses perubahan manik *pinongkoloh* masyarakat Murut Tahol yang merangkumi tiga tahap utama, iaitu figuratif, abstrak dan stail (*stylize*) yang menggambarkan proses perubahan kreatif dalam penghasilan busana *pinongkoloh*.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Busana *Pinongkoloh*

Busana *pinongkoloh* secara tradisional diperbuat daripada kain kapas hitam dan dihiasi pelbagai manik yang membentuk motif-motif menarik. Busana ini dipakai oleh wanita Murut Tahol dalam majlis-majlis rasmi seperti perkahwinan, upacara adat seperti sambutan pesta Kaamatan dan Pesta Kalimantan. Hiasan manik pada busana ini disulam menggunakan tangan

secara manual yang memerlukan ketelitian. Corak dan motif yang digunakan pada busana ini adalah gabungan corak geometri, motif flora dan fauna. Bahan manik yang digunakan adalah bahan semula jadi seperti batu halus, kulit siput, biji benih hutan dan tulang-tulang kecil haiwan untuk menghiasi busana *pinongkoloh*. Namun pada masa kini, telah wujud manik yang berwarna-warni diperbuat daripada getah disulam pada busana *pinongkoloh*. Busana *pinongkoloh* kini mempunyai tarikan yang lebih unik dari segi penggunaan warna dan ragam hias yang lebih kompleks menghiasi busana.




Rajah 2: Busana *Pinongkoloh*
Sumber: Koleksi Penyelidik

Rajah 2 merupakan busana *pinongkoloh* masyarakat Murut Tahol yang lengkap dengan aksesori. Busana paras atas dikenali sebagai *babaru linantian* yang direka tanpa lengan dan berwarna hitam serta dihiasi dengan sulaman manik berwarna-warni. *Babaru linantian* dipadankan dengan sarong panjang yang dikenali sebagai *tapi linantian*, berwarna hitam dan dihiasi manik-manik yang disulam menjadi motif dan corak. Motif dan corak manik yang bertemakan flora dan fauna telah disusun secara simetri, dengan memperlihatkan ketelitian dan kreativiti penyulam busana.

Transformasi manik telah berlaku selaras dengan perkembangan zaman teknologi. Busana *pinongkoloh* telah mengalami transformasi melalui tiga aspek iaitu, transformasi bahan manik, transformasi warna manik dan transformasi reka bentuk sulaman manik. Melalui tiga aspek transformasi manik, penyelidikan ini mendapati transformasi manik mempengaruhi dalam penghasilan busana *pinongkoloh* kontemporari.

Transformasi Bahan Manik

Pemakaian busana *pinongkoloh* tidak lagi terhad kepada majlis adat semata-mata, tetapi juga turut diadaptasi dalam pertunjukan fesyen, kostum tarian dan produk pelancongan. Pereka muda Murut Tahol juga mula memperkenalkan reka bentuk kotemporari yang mengekalkan elemen manik tradisional tetapi dalam potongan moden seperti gaun, kemeja atau aksesori. Transformasi ini membuktikan bahawa warisan budaya mampu berkembang selaras dengan arus semasa tanpa kehilangan identiti asalnya.



Rajah 3 :Transformasi Bahan Manik Bungkas
Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penyelidik tahun 2024

Rajah 3 adalah transformasi bahan manik *bungkas* iaitu salah satu aksesori busana *pinongkoloh* yang dipakai pada bahagian pinggang. Pembangunan teknologi kini yang semakin canggih turut menyumbang dalam transformasi motif-motif *pinongkoloh* dengan pengeluaran manik-manik yang pelbagai jenis. Manik-manik kini semakin diperbaharui dengan peningkatan teknologi dalam bidang kraf tangan. Transformasi manik yang semakin moden telah mempengaruhi corak dan motif busana. Menurut penggiat kraf dan penyulam busana, penggunaan manik moden membolehkan proses pembuatan *pinongkoloh* dilakukan dengan lebih cepat dan menjimatkan kos, terutamanya bagi tujuan persembahan kebudayaan atau jualan cenderamata. Terdapat juga penyulam yang masih mengekalkan penggunaan manik kaca asli sebagai tanda keaslian dan nilai warisan. Perubahan bahan bukanlah kehilangan nilai tradisi tetapi suatu bentuk adaptasi budaya terhadap keperluan semasa (Rahman, 2022).

Transformasi Warna Manik

Dahulu manik diperbuat daripada bahan semula jadi seperti batu, tulang, kulit siput dan biji benih hutan yang diperolehi secara tempatan. Namun kini, penggunaan bahan tersebut semakin berkurangan dan diganti dengan manik kaca dan plastik berwarna yang lebih ringan dan mudah didapati di pasaran.




Rajah 4: Jenis dan Warna-warni Manik Moden
Sumber: Koleksi Penyelidik

Rajah 4 menunjukkan kepelbagaian jenis manik masa kini. Manik-manik kini mempunyai pelbagai warna baharu dan yang lebih menarik. Hal ini telah mendorong penyulam untuk menyulam motif-motif moden dan menambahkan tarikan pada *pinongkoloh*. Warna-warna manik dominan pada masa dahulu adalah sangat terhad kerana hanya menggunakan warna asas seperti warna merah, putih dan hitam. Hal ini telah menyebabkan kreativiti para penyulam sangat terhad. Disebabkan itu, motif-motif yang terdapat pada busana *pinongkoloh* juga adalah terhad. Motif-motif yang dibentuk semuanya hanya berbentuk simbol dan geometri. Namun, kehadiran pengaruh daripada rekaan fesyen kontemporari dan kemasukan bahan import, maka reka bentuk *pinongkoloh* kini lebih bersifat moden memperlihatkan penggunaan warna yang lebih pelbagai seperti biru, hijau, kuning, *neon*, merah jambu (pink) dan emas.

Transformasi ini turut memberi kesan kepada identiti visual busana *pinongkoloh*, yang kini lebih cerah dan menarik perhatian khalayak muda. Namun, penggiat budaya tetap memastikan susunan warna utama tradisional tidak dihapuskan agar nilai warisan masih dapat dirasai dalam versi baharu.

Transformasi Reka Bentuk Sulaman Manik


Transformasi yang berlaku terhadap reka bentuk manik yang lebih pelbagai turut mempengaruhi para penyulam untuk mendapatkan teknik sulaman yang baharu. Teknik sulaman yang baharu telah membentuk reka bentuk sulaman motif-motif yang baharu dan bersifat moden. Transformasi reka bentuk manik-manik telah memberikan kelebihan kepada para penyulam iaitu mengaplikasikan teknik sulaman yang baharu dan lebih menarik. Para penyulam telah memilih untuk menggunakan jalan yang mudah untuk menghasilkan sesuatu motif dengan menggunakan manik yang mempunyai bentuk motif sedia ada seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5 di bawah.



Rajah 5: Transformasi Manik dan Motif *Vusak* (Bunga)
Sumber: Koleksi Penyelidik

Motif yang terdapat pada Rajah 5 dikenali sebagai motif *vusak* yang telah melalui proses transformasi. Pada masa kini, para penyulam dan pemakai busana lebih gemar terhadap motif yang berbentuk 3D. Perkembangan jenis-jenis manik yang pelbagai menyumbang kepada perkembangan kreativiti untuk menghasilkan motif yang berbentuk 3D. Teknik sulaman juga berkembang dengan adanya kepelbagaian jenis manik yang dapat menghasilkan teknik sulaman yang baharu. Pilihan manik yang 3D dan pelbagai warna dapat memudahkan para penyulam untuk menghasilkan busana *pinongkoloh* dengan lebih menarik.

Melalui transformasi motif yang berlaku terhadap motif *vusak*, kini terdapat pelbagai jenis motif *vusak* yang ada. Motif ini juga menggunakan pelbagai figura bunga yang ada untuk dimasukkan dalam sulaman busana *pinongkoloh*. Manik yang pelbagai pilihan memudahkan para penyulam untuk menghasilkan pelbagai jenis motif yang dikehendaki. Dari segi figura adalah proses pertama transformasi motif busana *pinongkoloh*, seterusnya berkembang ke bentuk abstrak iaitu corak dan motif dibentuk kepada bentuk simbol. Proses yang ketiga iaitu proses *stylize* iaitu corak dan motif dikontemporarikan kepada bentuk yang lebih kreatif dan bersifat *stylize* mengikut transformasi manik yang mempengaruhi pembentukan corak dan motif busana.



Rajah 6: Transformasi Manik dan Pembentukan Motif *Raun* (Daun)
Sumber: Koleksi Penyelidik

Rajah 6 merupakan proses transformasi motif *raun* (daun yang disulam pada busana *pinongkoloh*). Proses transformasi motif dapat dilihat melalui pembentukan motif *raun* yang pada mulanya adalah berbentuk figura daun. Bagi menghasilkan satu motif daun pada mulanya, para penyulam akan menyulam setiap corak dengan menggunakan manik kecil yang banyak untuk menghasilkan satu corak dan motif daun. Seterusnya berkembang ke bentuk abstrak iaitu bentuk motif yang berbentuk daun. Perkembangan kepelbagaian jenis manik masa kini telah menyebabkan para penyulam menggunakan manik yang sudah mempunyai bentuk atau corak yang dikehendaki. Oleh itu, dengan adanya manik yang mempunyai corak sedia ada telah membantu menjimatkan masa dalam menghasilkan sulaman manik pada busana. Ini adalah proses transformasi *stylize* iaitu penyulam bebas untuk memberi sentuhan baharu terhadap pembentukan corak dan motif busana *pinongkoloh* kontemporari.

Medium Kelestarian Transformasi Warisan *Pinongkoloh*

Transformasi yang berlaku terhadap manik busana *pinongkoloh* dalam masyarakat Murut Tahol tidak memberi kesan kepada kehilangan identiti budaya, sebaliknya mencerminkan proses adaptasi visual dinamik. Masyarakat Murut Tahol perlu menyesuaikan simbol dan motif tradisional ke dalam bentuk baharu yang selaras dengan medium, teknik dan kehendak zaman moden. Proses ini memperlihatkan elemen budaya mampu disesuaikan tanpa menghapuskan makna asal yang tersirat dalam seni busana tradisional. Konsep *stylization* menjelaskan bentuk adaptasi ini sebagai usaha mengekalkan makna budaya melalui transformasi bentuk dan gaya yang diperkuat oleh estetika kontemporari. Menurut Schapiro (1994), *stylization* ialah strategi visual yang membolehkan unsur tradisional kekal dikenali walaupun perubahan formal. Hal ini turut disokong oleh Khan dan Alghamdi (2019) serta Widiyanto (2020) yang menegaskan bahawa penyesuaian gaya merupakan kaedah penyampaian semula simbol budaya agar kekal relevan dalam konteks estetik moden.

Proses transformasi busana *pinongkoloh* turut dipengaruhi oleh faktor pertembungan budaya dan komodifikasi moden. Interaksi antara masyarakat Murut Tahol dan pengaruh luar melalui pelancongan, pameran seni serta festival kebudayaan telah mendorong kepada penyesuaian gaya dan bentuk yang lebih menarik serta universal. Kini, *pinongkoloh* bukan sahaja dipakai dalam upacara tradisional tetapi juga diperagakan dalam festival kebudayaan, acara pelancongan dan pertunjukan fesyen kontemporari. Keadaan ini menuntut transformasi visual agar busana tersebut tampil lebih segar dan berdaya saing tanpa menjejaskan nilai asalnya sebagai lambang identiti etnik. Namun, transformasi budaya perlu dilakukan secara seimbang dan beretika. Jika inovasi dilakukan tanpa pemahaman mendalam terhadap nilai dan simbolik tradisi, risiko penghakisan makna budaya tidak dapat dielakkan. Oleh itu, setiap bentuk inovasi busana tradisional perlu pengetahuan budaya dan usaha pemeliharaan nilai yang asal agar busana *pinongkoloh* terus menjadi identiti masyarakat Murut Tahol. Kesedaran ini penting bagi memastikan warisan busana tidak sekadar menjadi produk komersial tetapi kekal sebagai identiti masyarakat Murut Tahol.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, perubahan manik busana *pinongkoloh* memperlihatkan proses dinamik dan berterusan. Terdapat tiga proses transformasi yang ketara terhadap manik iaitu transformasi bahan manik, transformasi warna manik dan transformasi reka bentuk sulaman manik. Transformasi yang berlaku dapat mencerminkan keupayaan masyarakat Murut Tahol mengekalkan warisan seni hiasan sambil menyesuaikan dengan perkembangan masa kini.

Transformasi ini tidak menghapuskan nilai tradisi, sebaliknya memperkukuh kesinambungan budaya melalui inovasi dan kreativiti yang selaras dengan arus globalisasi.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan kajian ini di bawah Geran Bantuan Pascasiswazah (GUG0684-1/2024).

RUJUKAN

- Ahmad Safril, M. (2011). Strategi Meningkatkan Daya Tahan Budaya Lokal dalam Menghadapi Arus Globalisasi. *Journal Unair*, 24 (4), 302-308.
<https://journal.unair.ac.id/MKP@strategi-meningkatkan-daya-tahan-budaya-lokal-dalam-menghadapi-arus-globalisasi-article-4089-media-15-category-8.html>
- Hanafi, H. (2007). Ritual, Identiti Dan Perubahan Di Pantai Barat Sabah : Pengalaman Komuniti Kadazan Penampang. *Journal of Southeast Asian Studies*, 12 (1), 189-210.
<https://jati.um.edu.my/article/view/5728/3462>
- Humin, J., Ismail, I. & Angeline, T. Y. Y. (2015). *Warisan Busana Murut: Motif dan Corak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, M. A., & Alghamdi, H. (2019). *Elucidation of relationship between clothing silhouette and motifs and its impact on perception*. *Fashion and Textiles*, 6(1), 1–15
- Linggi, J. (2017). *Seni dan budaya masyarakat pribumi Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah Press.
- Majlis Kebudayaan Negeri Sabah. (2020). *Warisan tekstil etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Rahman, N. A. (2022). Transformasi dan kelestarian busana tradisional dalam era globalisasi. *Jurnal Seni dan Warisan Nusantara*, 5(1), 20–38.
<https://doi.org/10.xxxx/jswn.v5i1.2022>
- Schapiro, M. (1994). *Theory and Philosophy of Art: Style, Artist, and Society*. New York: George Braziller.
- Widiyanto, A. S. (2020). *TA: Penciptaan Film 3D Animasi Pendek tentang Karakter Topeng Malang Bergenre Adventure dengan Teknik Stylized* (Doctoral dissertation, Universitas Dinamika). <https://repository.dinamika.ac.id/id/eprint/xxxx>

TEMUBUAL INFORMAN

1. Agubat@Elizabeth Andaun, 70 tahun, Kampung Biah, Sabah. Penyimpan dan penyulam busana pakar tradisional. 24 Jun 2024.
2. Andilin Bte Angkarul, 49 tahun, Kampung 4 Murni, Nabawan, Sabah. Pakar Penyulam dan Pengusaha Busana Tradisional Murut. 02 Jun 2024
3. Koyok Binti Tamaing, 74 tahun, Kampung Murni D, Nabawan, Sabah. Penyimpan dan penyulam busana tradisional. 05 Mac 2023.
4. Suriah @ Mainah Ampasok, 60 tahun, Kampung Biah, Keningau, Sabah. Penyulam dan pengusaha busana *pinongkoloh*. 25 Mei 2024